

# PENAAKULAN MORAL PELAJAR INDIA BERMASALAH DI SEKOLAH MENENGAH

Ashotha Krishnan

Universiti Malaya

ashotha76@yahoo.com.my

**Abstrak:** Proses perkembangan moral melibatkan tiga komponen iaitu penaakulan moral (*moral reasoning*), emosi moral (*moral feelings*) dan tingkah laku moral (*moral behavior*). Ketiga-tiga komponen tersebut adalah berbeza tetapi saling berkait. Penaakulan moral ialah justifikasi yang dipegang oleh individu untuk menghasilkan sesuatu keputusan yang bermoral. Dalam usaha melahirkan insan yang bermoral, Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting. Pendidikan Moral telah diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran formal di Malaysia dalam kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1983 kepada semua pelajar bukan Islam di darjah satu. Pelajar tingkatan satu mula belajar Pendidikan Moral pada tahun 1989. Sudah 22 tahun Pendidikan Moral diajar di sekolah menengah. Apakah kesan Pendidikan Moral terhadap proses perkembangan moral pelajar? Memandangkan masalah devian dalam kalangan pelajar India semakin membimbangkan maka kertas kerja membincangkan kesan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral terhadap perkembangan penaakulan moral pelajar India yang bermasalah di sekolah menengah.

**Kata kunci:** penaakulan moral, pelajar India, bermasalah

## PENDAHULUAN

Dalam penghidupan, seseorang individu perlu melalui pelbagai proses perkembangan sehingga kematangan. Salah satu proses yang dialami ialah proses perkembangan moral. Mengikut Berk (1989), proses perkembangan moral melibatkan tiga komponen sendiri moral individu. Beliau menyenaraikan moral (*moral feelings*) dan tingkah laku moral (*moral behavior*). Ketiga-tiga komponen tersebut adalah berbeza tetapi saling berkait. Penaakulan moral dan emosi moral mempengaruhi tingkah laku moral individu. Dalam usaha melahirkan insan yang bermoral, Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting. Pendidikan Moral telah diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran formal dalam kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1983 kepada semua pelajar bukan Islam di darjah satu. Pelajar tingkatan satu mula belajar Pendidikan Moral dan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 1993. Sudah 12 tahun Pendidikan Moral diajar di sekolah menengah. Apakah kesan Pendidikan Moral terhadap perkembangan moral pelajar? Memandangkan masalah devian dalam kalangan pelajar India semakin membimbangkan maka kertas kerja membincangkan kesan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral terhadap perkembangan penaakulan moral pelajar India yang bermasalah di sekolah menengah.

## Pengertian penaakulan moral (Moral Reasoning)

Penaakulan moral bermaksud proses seseorang individu mencapai keputusan tentang apa yang patut dilakukan dalam sesuatu dilema moral (Rest 1976). Dalam hal taakulan moral perkembangan kemahiran taakulan moral ini dapat membantu individu memiliki kekuatan pemikiran moral; memahami nilai moral sebagai landasan mencorakkan pemikiran idealisme mereka (Abd. Rahim Abd Rashid, 2001). Kemahiran taakulan moral sangat penting peranannya dalam menonjolkan keterampilan tingkah laku moral seseorang kerana terdapat hubungkait yang sangat rapat antara taakulan moral dan tingkah laku moral (Rothman, 1980). Sehubungan dengan ini, ahli akademik menyarankan tentang keperluan pelajar kita untuk mempunyai keupayaan dalam membuat taakulan moral dengan mengemukakan hujah dan fakta-fakta moral yang relevan ( Abd.Rahman Md. Aroff, 1999 ). Menurut Abdul Rahman dan Chang (1994) , Penaakulan moral adalah suatu proses dimana seorang individu memperkembangkan kebolehannya untuk membuat pertimbangan dengan sendiri tanpa dipengaruhi oleh perasaan atau pandangan orang lain dalam sesuatu situasi. Dengan perkataan lain, ia merujuk kepada kebolehan berfikir secara logik berdasarkan pertimbangan moral. Tambah Abdul Rahman dan Chang lagi dimensi penaakulan moral adalah penting kerana ianya membolehkan seseorang :

- mengenalpasti sesuatu situasi moral
- berfikir secara rasional mengenai situasi serta pelbagai pilihan perlakuan yang berkaitan dengan situasi tersebut.
- memilih sesuatu tindakan berasaskan pertimbangan tertentu.
- bertindak terhadap pilihan yang dibuat itu berdasarkan peraturan dan prinsip moral yang asas.

Mengikut sukatan pelajaran Pendidikan Moral (Pusat Perkembangan Kurikulum 1988), penaakulan moral merupakan hasil yang penting dalam pengajaran Pendidikan Moral. Pengetahuan Moral yang diuji di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia untuk pelajar tingkatan 5 juga adalah berasaskan penilaian penaakulan moral (Jeevajothi 1997). Kohlberg (1984) membuat andaian bahawa manusia memproses semua maklumat dalam dilema moral melalui struktur kognitif yang membawa mereka ke peringkat perkembangan moral mereka. Dalam teorinya, Kohlberg (1975) mengakui bahawa Pendidikan Moral mempunyai asas dalam merangsangkan pemikiran aktif seseorang ketika ia membuat keputusan terhadap isu-isu sosial. Beliau juga membicarakan bahawa bagaimana individu boleh bertingkah laku moral jika dia tidak faham dan tidak berfikir tentang sebab kenapa dia patut bertingkah laku sebegini. Kohlberg (1975) telah menyokong pendiriannya dengan dapatan berikut. Beliau dan Krebs mendapati bahawa hanya 15% subjek kajian yang beroperasi di tingkat poskonvensional meniru dalam sesuatu peperiksaan berbanding dengan 55% subjek kajian yang beroperasi di tingkat konvensional dan 70% subjek yang beroperasi di tingkat prakonvensional. Ini bermaksud, semakin tinggi tingkat penaakulan moral individu, semakin tinggi kemungkinan dia bertingkah laku moral. Dalam perkembangan yang sama, Blasi

membuat rumusan tentang 72 kajian yang mengkaji hubungan antara penaaakul moral, masalah devian dan ciri-ciri yang berkaitan dengan devian (Kitwood 1990). Beliau mendapati bahawa tingkah laku moral adalah berkaitan dengan penaaakul moral. Misalnya subjek devian menaaakul di tingkat yang lebih rendah.

### **Masalah Devian dalam kalangan pelajar India**

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa tetapi ia turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda. Bagi golongan yang terlibat dalam gejala negatif ini sudah tentunya mempunyai sebab sebab tersendiri mengapa mereka berkelakuan demikian. Bagi kumpulan pelajar ini yang melanggar norma masyarakat setempat ataupun dalam institusi sekolah dikenali sebagai disiplin mereka dikategorikan sebagai devian. Mungkin perkataan ini asing bagi kita kerana ianya jarang digunakan dalam bahasa seharian kita. Jelas bahawa devian membawa maksud tingkahlaku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu (*M.B Clinard Sociology of Deviant Behaviour*). Kaum India merupakan hanya 7% daripada penduduk di negara kita. Daripada jumlah itu hampir 70% adalah keturunan Tamil manakala yang terlibat dalam kadar jenayah adalah sebanyak 35% (Laporan Ekonomi 1998). Walaupun jumlah penduduk India adalah kurang jika dibandingkan dengan penduduk lain dari segi jumlah penduduk tetapi jumlah kadar jenayah dilakukan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kaum lain. Prof .P Ramasamy yang menyatakan bahawa kadar keciciran adalah tinggi dalam kalangan pelajar India dimana hanya 5% sahaja yang telah mencapai pendidikan yang tinggi hingga ke Universiti. Apabila meneliti statistik Laporan Displin 2001, Unit Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pada tahun 2000 Tingkah laku jenayah ini telah mencecah 970 bebanding dengan 1600 pada tahun sebelumnya yang memperlihatkan penurunan sebanyak 630 kes. Antara tingkah laku jenayah yang seperti berjudi, mencuri, melawan guru, melawan pegawai, memeras ugut, membeli, kongsi gelap, penyalah gunaan dadah, membawa senjata berbahaya, mencabul kehormatan mengancam, menceroboh, mengedar dadah, memukul perasaan dan bertaruh secara bear-besaran. Walaupun perangkaan pencatatan penurunan secara keseluruhan namun tumpuan harus diberikan kepada kes-kes menyalahgunakan dadah. Pada tahun 2000 terdapat sebanyak 6 kes berbanding dengan 1 kes pada tahun 1999. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 83.33%. Tumpuan juga harus diberikan pada kes menunjuk perassan/ piket dan Gangge Sekolah. Analisa tingkahlaku lucu pula memperlihatkan sub kategorinya sebagai berumbu-cumbuan, berkhawat, membawa bahan lucu ke sekolah, dan menyalah pelajar perempuan, menggunkan kata-kata lucu dan perbuatan lucu, dan menulis kata kata dan gambar lucu. Salah laku ini mencatat penurunaan sebanyak 121 kes secara keseluruhan iaitu sebanyak 71%. Namun bagi kes berumbu-cumbuan dan berkhawat ia menctat peningkatan sebanyak 59.1% dan 31.8% masing-masing.

## **Pendidikan Moral dalam menangani masalah devian**

Peranan Sekolah dialaf baru adalah begitu mencabar dalam menangani tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah. Sekolah berhadapan dengan pelbagai tuntutan baru. Sekolah perlu lebih berperanan dalam mencorakkan perkembangan nilai-nilai yang baik supaya pelajar-pelajar dapat berfikiran lebih rasional dan tidak melibatkan diri mereka kearah golongan yang dikatakan sebagai devian. Pelajar - pelajar yang dilahirkan oleh sekolah pada alaf baru juga seharusnya bukan sekadar robot yang cekap, pintar dan mahir tanpa memiliki nilai-nilai moral yang selaras dengan perubahan dan pembangunan. Sekolah perlu mempunyai mekanisme pengawalan sosial yang berkesan bagi membolehkannya mengawal gejala-gejala buruk dan membanteras kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah. Seorang pakar pendidikan, Musgrave (1978) dalam bukunya *The Moral Curriculum : A Sociological Analysis* menegaskan agenda penting pendidikan dalam sesebuah negara haruslah merangkumi usaha membangunkan aspek-aspek moral individu dan masyarakat. Manakala seorang pengkaji pendidikan dan kemasyarakatan Lickona turut bersetuju bahawa penekanan tradisional pendidikan ialah mencorakkan perkembangan dan pembentukan watak seseorang bagi melahirkan individu yang baik. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral untuk sekolah menengah (Pusat Perkembangan Kurikulum 1988), objektif-objektif pengajaran Pendidikan Moral sekolah menengah adalah supaya pelajar dapat :

- memperkukuh dan mempertingkat amalan tabiat dan tingkah laku yang selaras dengan sikap dan nilai moral yang diperolehi pada peringkat sekolah rendah
- menyedari, memahami dan menghayati norma dan nilai murni masyarakat Malaysia
- membentuk pemikiran yang rasional berasaskan prinsip-prinsip moral
- memberi sebab-sebab yang munasabah berdasarkan pertimbangan moral dalam membuat sesuatu keputusan
- menggunakan pertimbangan yang berlandaskan prinsip-prinsip moral sebagai panduan dalam amalan kehidupan seharian

Penilaian terhadap objektif-objektif pengajaran Pendidikan Moral tersebut menunjukkan bahawa pemupukan penaakulan moral dan tingkah laku moral adalah ditekankan dan emosi moral telah diabaikan. Mengikut sukatan pelajaran, pelajar-pelajar perlu belajar membuat pertimbangan moral (moral judgement) dan mereka memerlukan satu kod nilai untuk dijadikan piawai dan asas dalam penaakulan moral mereka. Penaakulan moral yang matang adalah penting kerana pemikiran yang rasional memudahkan pembelajaran dan penerapan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak dan remaja (Loganathan 1995). Stoll dan Beller melaporkan bahawa sekolah-sekolah kini sedar bahawa sesuatu harus dilakukan untuk mengajar nilai-nilai murni dan lebih penting lagi adalah mengajar pelajar cara menaakul tentang sesuatu nilai (Loganathan 1995). Wilson (1973) memang telah menjelaskan bahawa penaakulan moral merupakan suatu kemahiran yang boleh diajar dan dipelajari.

## Masalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral

Mengikut Ruslin (1996), Pendidikan Moral dikira sebagai satu mata pelajaran yang agak baru diperkenalkan pada tahun 1983 dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan 1989 dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Beberapa masalah adalah dijangkakan. Antara masalah-masalah tersebut adalah kekaburan konsep moral, masalah kurikulum, kekurangan kemahiran guru-guru Pendidikan Moral, masalah bahan pengajaran serta kelemahan penilaian dalam bidang moral. Misalnya, kajian oleh Zarin Ismail (1990) menunjukkan bahawa guru Pendidikan Moral di daerah Hulu Langat masih kabur tentang istilah penting dalam mata pelajaran tersebut. Subjek kajian juga mengatakan bahawa kursus Pendidikan Moral yang dihadiri kurang berkesan. Secara amnya, sentimen terhadap pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral di kalangan pelajar kini adalah kurang positif. Pandangan ini disokong dengan rungutan melalui artikel dan surat-surat yang ditulis ke akhbar tentang kelemahan pelaksanaan Pendidikan Moral di sekolah. Salah satu artikel adalah seperti yang terdapat di *New Straits Times* (9-7-1999). Antara surat-surat tersebut pula adalah seperti yang ditulis oleh *Concerned Parent* (1999) dan Chan (2000). Antara beberapa rungutan adalah seperti sukatan pelajaran yang berulang-ulang dan sistem penilaian yang terlalu ketat dan mengelirukan. Pengkaji berpendapat bahawa terdapat kekurangan penyelidikan sistematik terhadap bidang Pendidikan Moral berbanding dengan mata pelajaran lain di Malaysia. Usaha untuk meneroka situasi sebenarnya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia amat diperlukan.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan utama seperti berikut :

1. Apakah tahap penaaakulan moral pelajar India bermasalah di sekolah menengah harian biasa?
2. Adakah aspek latar belakang guru seperti jantina, pengalaman mengajar serta pengalaman berkursus Pendidikan Moral mempengaruhi penaaakulan moral dalam kalangan pelajar India bermasalah di sekolah menengah harian biasa ?
3. Adakah aspek pengajaran Pendidikan Moral seperti fahaman asas guru Pendidikan Moral terhadap perkembangan moral pelajar, amalan pendekatan mengajar Pendidikan Moral serta interaksi dan layanan guru terhadap pelajar mempengaruhi penaaakulan moral pelajar mereka?
4. Adakah aspek latar belakang pelajar seperti jantina, pencapaian akademik, pencapaian Bahasa Melayu, dan status sosioekonomi keluarga mempengaruhi penaaakulan moral dalam kalangan pelajar India bermasalah di sekolah menengah harian biasa?
5. Adakah aspek pembelajaran Pendidikan Moral seperti sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Moral dan persepsi pelajar terhadap keberkesanan guru Pendidikan Moral mempengaruhi penaaakulan moral dalam kalangan pelajar India bermasalah di sekolah menengah harian biasa ?

Hersh (1980), Downey dan Kelly (1978) dan Purple dan Ryan (1976) telah mengatakan bahawa salah satu cara yang paling kerap dibincangkan dalam

Pendidikan Moral untuk mengembangkan penaakulan moral pelajar adalah dengan menggunakan pendekatan perkembangan moral kognitif. Pendekatan ini sebahagian besarnya adalah berasaskan kepada teori Kholberg mengenai perkembangan moral. Satu lagi persoalan yang timbul adalah bagaimanakah caranya mengukur perubahan dalam penaakulan moral itu. Instrumen yang biasa digunakan untuk menilai penaakulan moral adalah "Moral Judgment Interview" (MJI) yang telah direka oleh Kholberg (1975). Namun, penggunaan MJI ini dikritik dari segi metodologi. Sebagai Reaksi kepada masalah-masalah dalam MJI Rest dan rakan-rakannya telah mereka bentuk satu instrument iaitu "Defining Issues Test" (DIT). Ujian ini adalah berdasarkan kepada teori perkembangan moral Kholberg. Format DIT ini mempunyai beberapa kelebihan metodologi (Rest, Cooper, Masanz dan Anderson, 1974). Mereka telah memberi kesimpulan yang berikut mengenai kelebihan DIT :

*"We believe the Defining Issues Test has suggested some new metododogikal approach in assessing moral judgment and has indicated some promise in studying developmentally how people define the important issues of moral dilemma "*  
(m/s 501)

Oleh sebab itu pengkaji ingin menggunakan DIT Test ini dalam kajiannya untuk mengukur tahap penaakulan moral pelajar ini. Seramai 50 orang pelajar Pendidikan Moral tingkatan 4 dan 3 orang guru Pendidikan Moral yang berlainan bangsa dari sekolah menengah harian biasa di Negeri Selangor akan terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual untuk mengumpul data. Pengkaji akan menguji aspek latar belakang guru seperti jantina, pengalaman mengajar serta pengalaman berkursus Pendidikan Moral terhadap aspek penaakulan moral. Selain daripada itu aspek pengajaran Pendidikan Moral seperti fahaman asas guru Pendidikan Moral terhadap perkembangan moral pelajar, amalan pendekatan mengajar Pendidikan Moral serta interaksi dan layanan guru terhadap pelajar serta aspek pembelajaran Pendidikan Moral seperti sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Moral dan persepsi pelajar terhadap keberkesanan guru Pendidikan Moral mempengaruhi penaakulan moral dalam kalangan pelajar.

### KEPENTINGAN KAJIAN

Mukherjee (1981) telah melaporkan bahawa penyelidikan tempatan dalam bidang Pendidikan Moral amat sedikit. Pandangan beliau ini masih benar hingga ke hari ini. Abdul Rahman dan Chang (1994) berpendapat bahawa memandangkan terdapat minat terhadap Pendidikan Moral di Malaysia, amatlah perlu dijalankan kajian yang mendalam mengenai isu-isu penting berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah. Oleh kerana terdapat kekurangan kajian tempatan dalam bidang ini, penyelidik ingin menambahkan kajian tersebut, khususnya yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah. Dapatan kajian ini juga mungkin dapat digunakan

oleh pihak-pihak tertentu seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan Jabatan-jabatan pendidikan untuk membantu dan memberi pendedahan kepada guru-guru tentang penggunaan pelbagai teknik dalam pengajaran Pendidikan Moral. Akhir sekali, adalah menjadi harapan penyelidik agar dapatan kajian ini nanti akan menjadi titik tolak bagi menggalakkan kajian-kajian seterusnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah, khususnya dalam dimensi penaakulan moral.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md.Aroff. (1984). *Matlamat Pendidikan Moral: Suatu Penilaian terhadap matlamat projek pendidikan moral di Malaysia*. Pendidik dan pendidikan, 6, 52-59
- \_\_\_\_\_, (1988). *Pengenalan pendidikan moral*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_, (1988). *Ke arah pendidikan moral yang berkesan : suatu pandangan awalan*. Suara pendidik, 11-12, 32
- \_\_\_\_\_, dan Chang, L.H. (1994). *Pendidikan moral (Dinamika Guru)*. Siri Pendidikan Longman : Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Azizi Yahaya. (2005). Psikologi social-alam remaja. Pahang : Pts Publications and Distributers Sdn.Bhd.
- Beck, C. (1989). Is there really development? An alternative interpretation. *Journal of Moral Education* 18(3), 174-185.
- B. Vishalache. (2002). *Penggunaan dilema real-life dalam pengajaran Pendidikan Moral*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Chan, K.Y. 2000. *Need for quality teachers*. Surat. Sunday Star, 23 Januari : 6.
- Concerned Parent. 1999. *No flexibility in marking for Moral Studies*. Surat kepada editor. Sunday Star, 8 Ogos: 6.
- Jeevajothi, N. 1997. *Keberkesanan perbincangan dilema moral dalam perubahan peringkat penaakulan moral di kalangan pelajar tingkatan IV*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Kohlberg, L., (1975). The just community approach to corrections : A theory. *Journal of Moral Education*. 4(3), 243-260
- Kohlberg, L., (1974). Education, moral development and faith. *Journal of Moral Education* 4(3), 5-16
- Krebs, D. L., Vermeulen, S. C., Benton, K. L., & Carpendale, J. I. (1994). Gender and perspective differences in moral judgement and moral orientation. *Journal of Moral Education*, Vol. 23(1), 17-25
- Loganathan, R. 1995. *Peringkat perkembangan moral di kalangan pelajar sekolah menengah bandar dan luar bandar*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). *Buku panduan khas pendidikan kendalian sekolah menengah: Pendidikan Moral*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah : Pendidikan Moral*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malaysia. Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010). (2006).
- Malaysia. Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia. (2008)
- Wan Mohd. Zahid bin Wan Mohd. Noordin (1988). *Ke arah pelaksanaan nilai-nilai moral dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Seminar nilai-nilai murni mengenai kurikulum dalam KBSM UKM, 3 – 11 Disember 1988.

